

# 6 Persediaan Mental HARI PERTAMA BEKERJA

Bagi Graduan Baru



Oleh: Dr. Siti Marziah Zakaria Pensyarah Kanan, Pusat Penyelidikan Psikologi dan Kesejahteraan Manusia, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. B.Hsc (Psychology) UJA. Master of Science (Human Development), UPM, Ph.D (Psychology) UKM. Beliau pakar dalam bidang Kesejahteraan Hidup, Psikologi Perkembangan & Kesihatan Emosi. [sitimarziah80@gmail.com](mailto:sitimarziah80@gmail.com) FB: siti marziah

**HARI PERTAMA BEKERJA SANGAT SIGNIFIKAN KEPADA SEMUA.** HARI PERTAMA ADALAH HARI ANDA MEMBINA PERSEPSI, HARI DI MANA ANDA MEMULAKAN PERKENALAN DAN HARI UNTUK MENYAKINKAN MAJIKAN. OLEH ITU, JANGAN SESEKALI AMBIL MUDAH DENGAN HARI PERTAMA ANDA MEMULAKAN BEKERJA.

Jika boleh buat persiapan fizikal dan mental untuk hari yang pertama supaya hari anda kelak menjadi lebih mudah dan lancar. Berikut antara langkah-langkah yang harus anda praktikkan untuk memulakan hari pertama:

## 1. DATANG KERJA AWAL

Datangkan awal daripada kebiasaan. Anda harus sampai sekurang-kurangnya 10 minit sebelum waktu kerja bermula. Oleh itu, anda harus tentukan pengangkutan yang sesuai untuk ke tempat kerja anda. Jika lokasinya di tengah-tengah bandaraya Kuala Lumpur, menaiki MRT, LRT atau komuter mungkin

lebih efisien daripada menaiki kereta atau bas.

Maka, rancanglah waktu anda keluar daripada rumah supaya sampai ke tempat kerja. Anda juga harus berada di tempat kerja hingga waktu kerja tamat. Jangan pula balik awal dengan memberi alasan, untuk mengelak kesesakan dan sebagainya. Jika anda mempunyai hal kecemasan, terangkan secara jujur kepada ketua.

Seboleh-bolehnya jadilah pekerja yang berdisiplin dari hari pertama anda bekerja. Pegang nilai-nilai murni, etika kerja dan prinsip kerja yang tinggi dari hari pertama lagi. Anda pastinya akan diterima dengan baik oleh majikan dan rakan sekerja. Mudahlah nanti anda membina kerjaya anda di situ dan laluan kerjaya anda akan menjadi lancar.

## 2. BERPAKAIAN KEMAS DAN FORMAL

Pastikan anda berpakaian kemas pada hari pertama. Walaupun organisasi membenarkan pakaian kasual, pakaian formal lebih sesuai pada hari pertama. Pakai pakaian yang sesuai dengan budaya dalam organisasi tersebut. Pakaian tersebut mestilah selesa untuk anda dan boleh meningkatkan keyakinan diri anda pada hari pertama bekerja. Anda akan menjadi tumpuan pada hari pertama bekerja. Justeru, tunjukkan personaliti dan imej diri yang kemas, bergaya, profesional dan santun.

Hari pertama bekerja adalah hari untuk anda berorientasi dan mengenali persekitaran kerja anda. Anda juga akan diperkenalkan dengan rakan-rakan sepasukan anda. Sebolehnya, ambil tahu skop kerja anda sebelum anda memulakan hari pertama supaya anda tidak janggal apabila diterangkan mengenai tugas anda. Beri perhatian apabila diterangkan tentang jangkaan majikan terhadap anda, budaya kerja di syarikat tersebut, perkara-perkara yang tidak dibenarkan dan sebagainya.

## 4. KENALI ORGANISASI

Baca dan buat kajian terlebih dahulu mengenai majikan anda sebelum anda melangkah ke tempat kerja. Ambil tahu mengenai struktur organisasi tempat anda bekerja, unit-unit atau bahagian dalam organisasi tersebut dan nama orang-orang yang penting di situ. Ini akan memudahkan pemahaman anda apabila diterangkan mengenai organisasi anda bekerja pada hari pertama. Jangan malu-malu untuk bertanya apabila anda tidak jelas mengenai sesuatu perkara.

## 5. SENYUM, RELAKS & JANGAN CEMAS

Hari pertama pekerja ialah hari anda membina impresi pertama. Binalah impresi yang baik dan positif. Jangan menonjolkan diri anda sebagai seorang yang sombang, sukar didekati dan tidak boleh bekerjasama. Banyakkan senyum, rajin menyapa rakan sekerja anda dan jangan cemas dengan sesuatu yang di luar jangkaan anda. Tunjukkan bahawa anda sedia belajar dan boleh bekerja dalam pasukan. Tonjolkan sikap-sikap positif dan professionalisme anda.

## 6. SEDIA BELAJAR KEMAHIRAN DAN ILMU BAHRU

Bersediahlah untuk belajar pelbagai perkara baharu pada hari pertama. Bersikap terbuka untuk belajar dan tunjukkan minat anda untuk menimba ilmu yang baharu. Tentunya anda akan menemui ramai staf senior di tempat kerja baharu. Anda perlulah menghormati mereka sebagai senior anda dan sedia menerima arahan dan tunjuk ajar. Hargai ilmu yang mereka kongsi dan merendah dirilah kerana anda pekerja yang baharu. Jangan cuba berbahas atau mempertikai arahan mereka di hari pertama. Akur sahaja kerana anda baru bermula sedangkan mereka telah lama berada di situ.

Selamat maju jaya dan cemerlang dalam kerjaya. hb